

24 NOV 1999

Mahathir-Selera

JANGAN PERCAYA PILIHAN RAYA UNTUK MENCUBA SELERA, KATA DR M

JOHOR BAHRU, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya jangan percaya bahawa pilihan raya umum adalah untuk mencuba selera.

"Pilihan raya umum ialah untuk membentuk kerajaan. Kita tidak boleh main-main dengan undi kita," katanya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Pu Sze Skudai di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang tiba di sini dari Kuching untuk lawatan singkat, berkata nasib rakyat dan negara untuk lima tahun akan datang atau mungkin lebih daripada itu akan ditentukan oleh undi rakyat pada 29 Nov ini.

"Kita tidak boleh main nak rasa itu nak rasa ini," kata beliau.

Oleh sebab itu, kata Dr Mahathir, rakyat yang bertanggungjawab yang terdiri daripada pelbagai kaum dan parti harus memastikan bahawa mereka mengundi Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata rakyat tidak boleh mencuba selera kerana kerajaan BN mempunyai tugas untuk membangunkan negara.

Menurutnya, BN ialah gabungan 14 buah parti yang unik di dunia yang pemimpin serta wakil-wakil rakyatnya tidak mengutamakan kepentingan diri tetapi kemenangan bagi parti.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata beliau bangga kerana mereka yang tidak dipilih menjadi calon kali ini turut bergerak untuk menyokong calon-calon yang bertanding.

"Saya ucap tahniah kerana kesanggupan kita membelakangkan kepentingan diri, membelakangkan kedudukan diri untuk menjayakan BN."

"Inilah sikap dan semangat BN. Demi negara dan demi parti sanggup korbankan diri kita supaya rakyat keseluruhan mendapat nikmat hasil perjuangan BN," katanya.

Dr Mahathir juga meminta semua calon BN supaya pergi berjumpa pengundi di rumah dan jika boleh, tentukan tidak ada seorang pun bakal pengundi BN yang tidak keluar untuk mengundi pada 29 Nov.

"Semua mesti keluar. Kita hendak kemenangan dengan undi yang terbesar," tegas beliau.

Insyallah, katanya, BN akan menang bagi semua kerusi yang ditandinginya di Johor dan menyumbang kepada kemenangan BN dengan majoriti lebih dua pertiga.

"Saya yakin kita akan keluar beramai-ramai dan membawa semua pengundi supaya keluar mengundi BN pada 29 Nov. Undilah BN pada 29 Nov supaya masa depan kita akan terjamin," kata Perdana Menteri.

Menyentuh mengenai pembangkang, Dr Mahathir berkata pemimpinnya dengan lantang bercakap mengenai pemerintahan mengikut undang-undang tetapi apakah yang dilakukan oleh mereka.

"Mereka mengadakan rusuhan, mereka meminta pertolongan orang asing dan mereka sanggup menjadi boneka negara lain. Inilah contoh yang sudah dilihat. Bolehkah orang ini menegakkan undang-undang sedangkan merekalah yang melanggar undang-undang?" katanya.

Dr Mahathir berkata apabila mereka gagal mendapatkan sesuatu mereka mengadakan rusuhan di jalan hingga menyebabkan ramai peniaga yang rugi kerana terpaksa tutup kedai semasa rusuhan.

"Apakah orang yang semacam ini yang apabila kecewa dan gagal akan melanggar undang-undang dan peraturan boleh dipercayai menegakkan undang-undang," katanya.

Menurutnya, kerajaan telah cuba mengingatkan rakyat mengenai kelakuan Parti Keadilan Nasional dan penyokong-penyokongnya yang telah mengadakan rusuhan di Kuala Lumpur kerana marah apabila tindakan undang-undang dikuatkuasakan terhadap pemimpin mereka.

"Mereka mengadakan rusuhan di Kuala Lumpur dan kita tahu bahawa ini adalah cara mereka. Sebab itu dalam pilihan raya umum ini kita tunjuk gambar-gambar rusuhan ini untuk memperingati kita tentang cara Parti Keadilan ini.

"Tetapi apabila kita menunjukkan gambar rusuhan, mereka membuat laporan polis kononnya kita cuba mengugut rakyat supaya tidak mengundi mereka," katanya.

"Mereka mahu polis melarang kita (menunjukkan gambar) kononnya cara ini tidak adil dan cuba menakut-nakutkan rakyat," kata Dr Mahathir.

Gambar-gambar itu perlu ditunjukkan seberapa kerap yang boleh bagi mengingatkan orang ramai, katanya.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

-- BERNAMA

MKO NMO